

1249/1  
Sejarah  
Kertas 1  
Percubaan SPM  
2008  
1 jam

No. Kad Pengenalan

|  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|
|  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|

Angka Giliran

|  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|
|  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|

NAMA SEKOLAH

LOGO SEKOLAH

## PEPERIKSAAN PERCUBAAN

## SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2008

---

---

SEJARAH

Kertas 1

Satu jam

---

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan AM :

1. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu A , B , C , dan D.*
2. *Pilih satu jawapan terbaik bagi tiap-tiap soalan.*
3. *Jawab semua soalan.*

Kertas ini mengandungi 13 halaman bercetak.

Tahap ketamadunan manusia diukur berdasarkan pencapaian dalam aspek pembangunan fizikal.

Sarjana Barat

1 Antara aspek-aspek berikut, yang manakah dijadikan kriteria pengukuran tahap ketamadunan mengikut definisi di atas?

- I tatasusila yang tinggi
- II wujudnya sistem tulisan
- III pembinaan rumah berhala
- IV terciptanya kod undang-undang

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

2 Raja Mesopotamia merupakan pemerintah tertinggi yang mempunyai kuasa yang tidak terbatas.  
Apakah bidang kuasa yang diletakkan di bawah kawalan raja?

- I mengutip hasil dan cukai
- II melantik pegawai Ziggurat
- III mengetuai upacara pemujaan
- IV menguruskan tawanan perang

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

3 Kerajaan Athens telah memperkenalkan beberapa bentuk sistem pemerintahan kepada peradaban dunia.  
Apakah sistem pemerintahan yang dimaksudkan?

- I sistem beraja
- II sistem oligarki
- III sistem republik
- IV sistem aristokrasi

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

Air akan menyesar mengikut muatan atau ketumpatan sesuatu objek yang terapung di atasnya supaya tidak karam.

- 4 Teori di atas dipelajari dalam mata pelajaran fizik.  
Guru yang membuat penjelasan di atas mengambil kesimpulan yang dibuat oleh

- A Archimedes
- B Hippocrates
- C Pythagoras
- D Socrates

Seni arca Amaravati  
Gendang gangsa Dongson

- 5 Apakah perkara yang ingin dibuktikan oleh sejarawan yang mengemukakan bukti-bukti arkeologi di atas?

- A kemunculan petempatan awal di Asia Tenggara
- B kemasukan golongan Brahmin ke Asia Tenggara
- C kemasukan ajaran Hindu-Buddha di Asia Tenggara
- D kemunculan pemerintah bersifat ketuhanan di Asia Tenggara

Ahmad: Cikgu, saya ingin mendapatkan bukti sahih tentang pengaruh Hindu dalam sistem berkerajaan di Asia Tenggara. Boleh cikgu tolong?  
Cikgu Arumugam: Boleh, apa salahnya.

- 6 Kaji bukti di bawah dengan teliti, yang mana satu akan dipilih oleh Cikgu Arumugam untuk menjawab pertanyaan Ahmad?

- A raja menggunakan gelaran "shah"
- B raja dianggap jelmaan Tuhan di bumi
- C raja merupakan anak Tuhan Matahari
- D raja mewujudkan jawatan putera mahkota

Dukkha  
Samsara  
Aksana

7 Kedatangan pengaruh Hindu ke Asia Tenggara menyebabkan penduduk tempatan turut menggunakan istilah di atas dalam kehidupan seharian.  
Apakah kesan dari segi bahasa dan kesusasteraan akibat pengaruh di atas?

- A wujudnya sistem tulisan jawi
- B penambahan perbendaraan kata
- C perkembangan hikayat bercorak panji
- D penulisan sastera kitab berunsur Arab

Keputusan hanya boleh diambil setelah mengambil kira pandangan majoriti setiap anggota dalam kabilah.

8 Masyarakat Arab jahiliah menggunakan pendekatan di atas untuk

- A mengisytiharkan perang ke atas musuh
- B memilih pemimpin tertinggi dalam kabilah
- C membuat perdamaian dengan pihak musuh
- D menetapkan tarikh memulakan penghijrahan

9 Penyebaran Islam di kota Makkah mendapat penentangan daripada pihak Quraisy. Antara keputusan dan tindakan berikut, yang manakah digunakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. untuk menghadapi situasi sedemikian?

- I menubuhkan pasukan tentera al-Riddah
- II meminta pengikutnya berhijrah ke Habsyah
- III memilih kota Taif sebagai tapak penyebaran Islam
- IV menghantar Usman bin Affan berunding dengan Quraisy

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

10 Perlembagaan bertulis Madinah berjaya menyatupadukan masyarakat berbilang kaum. Bagaimanakah perkara ini dapat dilaksanakan oleh Nabi Muhammad s.a.w.?

- I orang bukan Islam bebas memilih agama
- II menyekat penyelewengan dalam perniagaan
- III masyarakat Madinah dianggap sebagai ummah

IV tradisi dan adat orang bukan Islam boleh diamalkan

4

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

11 Antara perkara berikut, yang manakah diletakkan di bawah bidang tugas seorang khalifah yang menerajui kerajaan Islam?


- I melindungi negara daripada ancaman luar
- II mengeluarkan fatwa berhubung sesuatu isu
- III memperkukuh semangat persaudaraan Islam
- IV menjalankan pemerintahan berpandukan al-Quran

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

Cordova, Toledo, Seville.

12 Mengapakah bandar-bandar di atas menjadi lambang kegemilangan kerajaan Islam Umayyiah tahap kedua di Sepanyol?

- A pengaruh Islam tersebar ke kawasan Balkan
- B ilmu pengetahuan berkembang dengan pesat
- C pusat pemerintahan kerajaan Islam yang terkenal
- D pelabuhan perdagangan antarabangsa yang kaya



13 Amalan kepercayaan seperti dalam rajah di atas tidak lagi diamalkan oleh masyarakat di Asia Tenggara mulai abad ke-12. Apakah kenyataan yang sesuai menggantikan X?

- A kemunculan pengaruh Hindu-Buddha
- B pengukuhan amalan kepercayaan animisme
- C perubahan yang dibawa oleh pengaruh Islam
- D pengasasan kerajaan yang bersifat ketuhanan

Khairul: Azmi, kamu kena pastikan diri kamu menjalankan perniagaan dengan memenuhi syariat Islam.

14 Antara perkara berikut, yang manakah terkandung dalam penjelasan yang bakal dibuat oleh Khairul?

- I hanya menjalankan perniagaan yang sah di sisi agama
- II suka bercerita tentang kekayaannya dengan jiran-jiran
- III berbelanja mengikut keperluan dan kemampuan
- IV sentiasa berjimat-cermat dan tidak membazir

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

15 Zaman Renaissance di Itali mencetuskan perubahan pemikiran dalam kalangan masyarakat Eropah.

Antara perwatakan berikut, yang manakah mencerminkan peribadi manusia yang dipengaruhi oleh fahaman Renaissance?

- A taat setia membuta tuli terhadap gereja
- B memiliki semangat ingin tahu yang tinggi
- C semangat taksub kepada puaknya sendiri
- D segan bersuara walaupun pendiriannya benar

Mendirikan pusat penyelidikan di Sagres, Portugal.  
Mengambil khidmat jurumudi berbangsa Arab.

16 Kedua-dua perkara di atas merupakan dasar pemerintahan Putera Henry yang diberi nama jolokan "The Navigator".

Apakah kewajaran Putera Henry mengambil tindakan di atas?

- A membuat persediaan menghadapi perang di Eropah
- B mendapat punca bekalan rempah-ratus dari Timur
- C memajukan sistem pendidikan di negara Portugal
- D melahirkan lebih ramai sarjana yang berilmu

17 Mulai kurun ke-17, negara-negara di Asia terutama China dan Asia Tenggara menjadi sasaran kuasa-kuasa imperialis Barat.


Mengapa?

- I dasar memecahkan monopoli pedagang Islam
- II tanggungjawab menyebarkan tamadun Eropah

- III bekalan bahan mentah amat diperlukan di Eropah  
IV keperluan menjual hasil keluaran kilang yang meningkat

6

- A I, II dan III  
B I, II dan IV  
C I, III dan IV  
D II, III dan IV




18 Kenyataan yang manakah sesuai dimasukkan dalam kotak X?

- A kesediaan sultan melepaskan monopoli perdagangan  
B mengurangkan kepadatan penduduk di negara asal  
C keperluan mengimbangkan komposisi penduduk  
D galakan daripada pihak penjajah British

| Jumlah Imigran China Dan India |                                |                     |
|--------------------------------|--------------------------------|---------------------|
|                                | Negeri-negeri Melayu Bersekutu | Negeri-negeri Selat |
| <b>1891</b>                    | 163 000                        | 228 000             |
| <b>1901</b>                    | 300 000                        | 282 000             |

19 Apakah kesan-kesan yang dialami oleh Tanah Melayu akibat perkembangan yang ditunjukkan dalam rajah di atas?

- A pemisahan kaum berlaku dalam kehidupan seharian  
B pembentukan sistem persekolahan yang seragam  
C integrasi antara kaum berjaya dipupuk oleh British  
D Akta Proklamasi Tanah terpaksa diwartakan



Penggunaan bahasa ibunda  
dalam pengajaran.

7

20 Apakah kenyataan yang menerangkan kesan X berdasarkan situasi yang ditunjukkan dalam rajah di atas?

- A pembentukan masyarakat majmuk di Tanah Melayu
- B dasar pendidikan yang seragam untuk Tanah Melayu
- C melebarkan jurang perbezaan kaum di Tanah Melayu
- D latihan perguruan di Tanah Melayu tidak berkembang

Mewujudkan jabatan-jabatan baru kerajaan.  
Pegawai tinggi Eropah menjadi ketua jabatan.  
Penubuhan sebuah kerajaan pusat yang kuat.

21 Apakah bentuk sistem pemerintahan yang ingin diperkenalkan oleh kuasa-kuasa imperialis Barat dengan mengamalkan dasar-dasar pemerintahan di atas?

- A sistem monarki berkuasa mutlak
- B sistem raja berperlembagaan
- C sistem pemerintahan oligarki
- D sistem birokrasi Barat

Peperangan  
Gerakan revolusi  
Tindakan mengusir penjajah

22 Para nasionalis di Asia Tenggara akhirnya menggunakan pendekatan di atas untuk mencapai matlamat politik.  
Mengapa berlaku keadaan sedemikian?

- A gerakan nasionalis tahap awal tidak berjaya
- B kebangkitan golongan prorevolusi di negara Thai
- C hasutan daripada tokoh-tokoh nasionalis sederhana
- D golongan pemerintah tradisional enggan bekerjasama

23 Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kebangkitan perjuangan Haji Abdul Rahman Limbong di Terengganu pada awal tahun 1920-an?

- I penduduk enggan membayar cukai tanah
- II penduduk menolak undang-undang tanah British
- III kehadiran British tidak mendapat perkenan sultan
- IV penduduk perlu memohon permit memiliki perahu

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

8

Pertubuhan atau pasukan yang dibentuk selepas pendudukan Jepun di Tanah Melayu bertujuan mengusir kuasa penjajah baru itu yang datang menggantikan British.

- 24 Antara pertubuhan atau pasukan berikut, yang manakah mendukung prinsip perjuangan di atas?
- A Pembela Tanah Air
  - B Barisan Pemuda Perak
  - C Pasukan Wataniah Pahang
  - D Kesatuan Melayu SingapuraPasukan Wataniah Pahang
- 25 Apakah faktor yang dijadikan sebagai asas pembentukan sempadan politik kerajaan negeri-negeri Melayu sebelum kedatangan Barat?
- A kewujudan sungai sebagai penanda sempadan
  - B kesetiaan rakyat yang diperintah terhadap raja
  - C perisytiharan undang-undang tubuh negeri
  - D amalan sistem serah dan kerah
- 26 Pengganti kepada sultan telah pun dikenal pasti dan hanya menunggu upacara pelantikan rasmi di balai rung seri.  
Apakah syarat-syarat yang perlu dipertimbangkan dalam menentukan pengganti sultan berkenaan di negeri Johor?
- I waris kepada raja di hilir
  - II berketurunan darah raja
  - III berbangsa Melayu
  - IV beragama Islam
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV

Melilitkan songkok dengan kain putih.  
Melilitkan lengan dengan kain hitam.

- 27 Orang-orang Melayu mengambil tindakan di atas untuk menggagalkan pelancaran gagasan Malayan Union.  
Pendekatan yang manakah mengesyorkan tindakan di atas?

- A mengisytiharkan hari berkabung
- B melancarkan gerakan bawah tanah
- C memulaukan upacara perlantikan gabenor
- D mengadakan tunjuk perasaan besar-besaran

9

28 Dalam perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, kerakyatan automatik ditawarkan kepada mereka yang memenuhi syarat-syarat tertentu.  
Apakah syarat-syarat yang dimaksudkan?

- I mereka yang diberi dwikerakyatan
- II ibu bapanya lahir dalam persekutuan
- III mereka yang lahir dalam persekutuan
- IV pemastautin tetap kurang daripada dua tahun

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

29 Dato" Onn Bin Jaafar telah mengemukakan gagasan politik pelbagai kaum untuk mewujudkan perpaduan.  
Apakah tindakan-tindakan yang diambilnya untuk mencapai gagasan politik itu?

- I menerima orang bukan Melayu sebagai ahli UMNO
- II menubuhkan Parti Kemerdekaan Tanah Melayu
- III menaja penubuhan Angkatan Wanita Sedar
- IV menganjurkan Persidangan Kebangsaan

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

30 Laporan Suruhanjaya Reid telah mendapat reaksi balas daripada Perikatan dan beberapa pindaan telah dilakukan.  
Apakah perkara yang dipinda oleh Parti Perikatan?

- A kedudukan sistem beraja
- B undang-undang tubuh negeri
- C kebenaran memiliki dwikerakyatan
- D kedudukan Pesuruhjaya Tinggi British

31 Pada tahun 1887, Lord Brassey selaku Pengarah Syarikat Borneo Utara telah mencadangkan kerajaan persekutuan dibentuk.  
Apakah wilayah-wilayah yang disyorkan untuk membentuk persekutuan itu?

- I Borneo Utara
- II negeri-negeri Selat

III semua negeri Melayu  
IV kepulauan Kalimantan

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

10

Gagasan Tunku Abdul Rahman itu baik tetapi wilayah Singapura tidak sepatutnya diajak menganggotainya.


32 Kenyataan seperti dalam petikan di atas mungkin sekali disuarakan oleh:

- A Parti Pesaka Anak Sarawak
- B Parti Tindakan Rakyat Singapura
- C Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu
- D Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu

Tuan Yang Di-Pertua, rang undang-undang pembekalan ini sudah pun dibacakan buat kali ketiga dan mendapat kelulusan ahli-ahli dewan.

33 Apakah langkah susulan yang perlu dibuat kepada rang undang-undang berkenaan?

- A dihantar kepada Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan
- B dikuatkuasakan setelah diwartakan oleh kerajaan
- C dibahaskan sebanyak tiga kali di Dewan Negara
- D dikembalikan kepada Pejabat Peguam Negara




34 Apakah perkara-perkara yang terkandung dalam senarai X di atas?

- I menjalankan pendaftaran pemilih
- II menetapkan hari pembuangan undi
- III menetapkan tarikh penamaan calon

IV menetapkan calon parti yang bertanding

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

11



35 Apakah sistem kerajaan Q yang mengamalkan dasar pembahagian kuasa di atas?

- A kerajaan republik
- B kerajaan kesatuan
- C kerajaan bersekutu
- D kerajaan perancangan pusat

36 Kerajaan menjual sepenuhnya atau sebahagian kepentingannya dalam sesebuah syarikat.

Antara badan berikut, yang manakah dipilih untuk melaksanakan dasar di atas?

- I Syarikat Airod Sdn Bhd
- II Tenaga Nasional Berhad (TNB)
- III Syarikat Telekom Malaysia (STM)
- IV Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS)

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

Penguasaan kemahiran membaca, menulis dan mengira atau 3M.  
Dasar murid-murid naik darjah secara automatik diperkenalkan.  
Pembinaan sahsiah diri murid-murid melalui aktiviti kokurikulum.

37 Cadangan-cadangan di atas telah disyorkan oleh:

- A Laporan Jawatankuasa Fern-Wu
- B Laporan Jawatankuasa Kabinet
- C Laporan Jawatankuasa Barnes
- D Laporan Rahman Talib

Kawasan geopolitik dunia dibahagi-bahagikan mengikut sistem politik, pegangan ideologi dan kawasan geografi.

38 Apakah bentuk peperangan yang dicetuskan akibat dasar pembahagian di atas?

- A perang urat saraf
- B perang psikologi
- C perang setempat
- D perang dingin

39 Pada peringkat awal kemerdekaan Tanah Melayu, kerajaan mengamalkan dasar pro-Barat.

Bagaimanakah kerajaan Tanah Melayu mengamalkan dasar di atas?

- I menyekat hubungan dengan negara komunis
- II mengisytiharkan diri sebagai sekutu kuat Britain
- III mengadakan kunjungan hormat ke negara China
- IV menaik taraf pejabat perwakilan kepada kedutaan

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

40 Pada tahun 1971, ASEAN telah memperkenalkan konsep ZOPFAN seperti mana yang terkandung dalam Deklarasi Kuala Lumpur.

Apakah amalan yang dijadikan dasar luar ASEAN sejajar dengan konsep tersebut?

- A memutuskan hubungan luar dengan blok sosialis
- B memihak kepada sekutu Barat yang diketuai Amerika
- C menjalin hubungan luar tanpa mengira fahaman politik
- D mengehadkan hubungan diplomatik dengan Barat sahaja

~ Kertas Soalan Tamat ~

1249/2  
Sejarah  
Kertas 2  
Percubaan SPM  
2008  
2 1/2 jam

No. Kad Pengenalan

|  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|
|  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|

Angka Giliran

|  |  |  |  |  |  |  |  |  |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|
|  |  |  |  |  |  |  |  |  |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|

NAMA SEKOLAH

LOGO SEKOLAH

## PEPERIKSAAN PERCUBAAN

## SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2008

---

---

SEJARAH

Kertas 2

Dua jam 30 minit

---

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan AM :

1. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh **empat** pilihan jawapan iaitu A , B , C , dan D.*
2. *Pilih **satu** jawapan terbaik bagi tiap-tiap soalan.*
3. *Jawab semua soalan.*

Kertas ini mengandungi 7 halaman bercetak.

## Bahagian A

[ 40 markah ]

Jawab **semua** soalan.

Kreatif dan inovasi manusia dalam kehidupan seharian merupakan proses pembentukan tamadun.

1 (a) Apakah maksud tamadun?

.....

.....

.....

[2 markah]

(b) Berikan **tiga** ciri masyarakat bertamadun.

( i).....

( ii).....

(iii).....

[3 markah]

(c) Namakan **dua** sungai yang penting dalam pembentukan tamadun awal manusia.

(i).....

(ii).....

[2 markah]


(d ) Pada pendapat anda, mengapakah masyarakat awal memilih lembah sungai untuk membina petempatan kekal?

( i).....

(ii).....

(iii).....

[3 markah]



2. (a) Apakah maksud zaman Jahiliah?

.....

.....

.....

[2 markah]

(b) Nyatakan **dua** sumber kegiatan ekonomi masyarakat Arab Jahiliah.

(i).....

(ii).....

[3 markah]

(c) Berikan **dua** ciri sistem kabilah yang menjadi amalan masyarakat Arab Jahiliah

(i).....

(ii) .....

[2 markah]

(d) Pada pendapat anda, apakah bukti yang menunjukkan masyarakat Arab Jahiliah suka berperang?

(i).....

(ii).....

(iii).....

[3 markah]

Campur tangan British secara langsung di Negeri-Negeri Melayu bermula pada tahun 1874 dengan pengenalan Sistem Residen di negeri Perak. Sistem ini telah mengakibatkan berlakunya penentangan oleh pembesar-pembesar tempatan di negeri ini.

3(a) Namakan **dua** orang tokoh yang terlibat menentang British.

(i) .....

(ii) .....

[ 2 markah]

(b) Nyatakan **tiga** sebab mereka melakukan penentangan tersebut.

(i) .....

(ii) .....

(iii) .....

[ 3 markah]

(c) Jelaskan tindakan yang dilakukan oleh pembesar dan penduduk tempatan untuk menentang British.

(i) .....

(ii) .....

[ 2 markah]

(d) Pada pengetahuan sejarah anda, apakah nilai yang perlu dimiliki bagi menjamin kejayaan dalam sesebuah perjuangan?

(i) .....

(ii) .....

(iii) .....

[ 3 markah]

Lambang-lambang negara merupakan simbol yang menjadi identiti sesebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

4 (a) Berikan **dua** lambang bagi negara kita.

(i) .....

(ii) .....  
[ 2 markah ]

(b) Nyatakan **tiga** kepentingan lambang-lambang negara.

(i) .....

(ii) .....

(iii) .....  
[ 3 markah ]

(c) Berikan maksud lambang-lambang berikut yang terdapat dalam lambang negara.

(i) Bulan sabit

.....

(ii) Bintang berpecah empat belas

.....

[ 2 markah ]

(d) Sebagai generasi masa kini, bagaimanakah anda menghayati dan menghormati lambang-lambang negara Malaysia?

(i) .....

(ii) .....

(iii) .....


[ 3 markah ]

## Bahagian B

[ 60 markah ]

Jawab **tiga** soalan sahaja.


- 5 a) Huraikan teori dan bukti kedatangan Islam ke Asia Tenggara dari China. [9 markah]
- b) Jelaskan teori dan bukti kedatangan Islam ke Asia Tenggara dari India. [6 markah]
- c) Mengapakah sejarawan berpendapat bahawa kedatangan Islam ke Asia Tenggara di bawa oleh pedagang-pedagang. [5 markah]



Jadual menunjukkan Peratusan Pengeluaran Bijih Timah oleh Pemodal Eropah dan Pemodal Cina

6. (a) Jelaskan perkembangan aktiviti perlombongan oleh orang Melayu sebelum kurun ke-20. [ 6 markah ]
- (b) Bagaimanakah pembesar Melayu dan pemodal dari Eropah berusaha menguasai perlombongan bijih timah di Tanah Melayu sehingga Perang Dunia Kedua? [8 markah]
- (c) Pada pandangan anda, apakah usaha yang boleh dilakukan bagi menaiktaraf bandar-bandar bekas perlombongan bijih timah di negara kita. [6 markah]

- 7 (a) Dasar pentadbiran Barat menjadi pemangkin utama tercetusnya gerakan nasionalisme di Asia Tenggara.   
Jelaskan. [ 8 markah ]
- (b) Tuliskan rencana tentang perjuangan Jose Rizal dalam gerakan nasionalisme di Filipina.   
[ 8 markah ]
- (c) Pada pengetahuan sejarah anda, bagaimanakah kuasa penjajah menangani gerakan nasionalis yang radikal?   
[ 4 markah ]



- 8 (a) Jelaskan kandungan Akta Pelajaran 1961 yang pernah menjadi Dasar Pendidikan Kebangsaan negara kita. [9 markah]
- (b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan untuk melahirkan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. [5 markah]
- (c) Bagaimanakah sukan boleh memupuk perpaduan dalam kalangan generasi baru negara kita? [6 markah]
9. (a) Matlamat Penubuhan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ((PBB)
- (b) Peranan Malaysia Dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)
- (c) Jelaskan faedah yang diperolehi Malaysia sebagai ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

~ Kertas Soalan Tamat ~

**Jawapan Kertas 1 Percubaan SPM 2008**

| No Soalan | Jawapan | Rujukan Buku Teks |              |
|-----------|---------|-------------------|--------------|
|           |         | Tingkatan 4       | Tingkatan 5  |
| 1         | D       | ms 5              |              |
| 2         | A       | ms 13             |              |
| 3         | B       | ms 42 dan 43      |              |
| 4         | A       | ms 57             |              |
| 5         | A       | ms 73             |              |
| 6         | B       | ms 85             |              |
| 7         | B       | ms 93             |              |
| 8         | B       | ms 101            |              |
| 9         | B       | ms 113            |              |
| 10        | C       | ms 126 & 127      |              |
| 11        | C       | ms 144            |              |
| 12        | B       | ms 153            |              |
| 13        | C       | ms 189            |              |
| 14        | C       | ms 191            |              |
| 15        | B       | ms 217            |              |
| 16        | B       | 223               |              |
| 17        | D       | ms 237 & 238      |              |
| 18        | D       | ms 253            |              |
| 19        | A       | ms 264            |              |
| 20        | C       | ms 265            |              |
| 21        | D       |                   | ms 8         |
| 22        | A       |                   | ms 18        |
| 23        | A       |                   | ms 42        |
| 24        | C       |                   | ms 58        |
| 25        | B       |                   | ms 65        |
| 26        | D       |                   | ms 80 dan 81 |
| 27        | A       |                   | ms 98-100    |
| 28        | B       |                   | ms 108       |
| 29        | B       |                   | ms 120       |
| 30        | C       |                   | ms 126       |
| 31        | A       |                   | ms 137       |
| 32        | D       |                   | ms 141       |
| 33        | C       |                   | ms 173       |
| 34        | B       |                   | ms 178       |
| 35        | C       |                   | ms 185       |
| 36        | A       |                   | ms 208       |
| 37        | B       |                   | ms 215       |
| 38        | D       |                   | ms 234       |
| 39        | A       |                   | ms 240       |
| 40        | C       |                   | ms 258       |

**PERATURAN PEMARKAHAN PERCUBAAN SPM '2008**  
**SEJARAH KERTAS 2**

1 (a)Apakah maksud tamadun?

| Soalan | Butiran                                                             | Markah    |
|--------|---------------------------------------------------------------------|-----------|
| 1 (a)  | - Berasal daripada bahasa Arab iaitu perkataan mudun dan madain     | 1         |
|        | - Madana iaitu tinggi budi bahasa dan pembukaan bandar              | 1         |
|        | - Perkataan bahasa Inggeris iaitu Civilization                      | 1         |
|        | - Berasal daripada bahasa Greek iaitu Civitas yang bermaksud bandar | 1         |
|        | - Peradaban manusia                                                 | 1<br>(2m) |
| (b)    | - Petempatan kekal                                                  | 1         |
|        | - Kehidupan berorganisasi                                           | 1         |
|        | - Sistem pemerintahan                                               | 1         |
|        | - Pengkhususan pekerjaan                                            | 1         |
|        | - Agama dan kepercayaan                                             | 1         |
|        | - Bahasa dan tulisan                                                | 1<br>(3m) |
| (c)    | - Sungai Euphrates                                                  | 1         |
|        | - Sungai Nil                                                        | 1         |
|        | - Sungai Indus                                                      | 1         |
|        | - Sungai Hwang Ho                                                   | 1<br>(2m) |
| (d)    | - Kesuburan tanah untuk tujuan pertanian                            | 1         |
|        | - Kemudahan bekalan air                                             | 1         |
|        | - Kemudahan bekalan makanan                                         | 1         |
|        | - Kemudahan pengangkutan dan perhubungan                            | 1<br>(3m) |

|       |                                 |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |                                         |
|-------|---------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------|
| 2 (a) | -<br>-                          | Berasal dari perkataan Arab “ jahala “ bermaksud jahil<br>Tidak mengetahui / tidak mempunyai ilmu pengetahuan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | 1<br>1<br>(2m)                          |
| (b)   | -<br>-<br>-<br>-                | Perniagaan yang berasaskan riba dan penindasan<br>Sikap..mementingkan..keuntungan..dan..kekayaan semata-mata<br>Merompak dan merampas barangan<br>Mengeksplotasi..golongan..miskin.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | 1<br>1<br>1<br>1<br>(3m)                |
| (c)   | -<br>-<br>-<br>-<br>-<br>-<br>- | Berasaskan cara hidup yang berpuak-puak dan berkelompok<br>Ahlinya terdiri daripada suku yang sama dan mereka tinggal dalam sebuah kawasan<br>Setiap kabilah mempunyai identiti dan peraturannya sendiri<br>Ahli kabilah sangat taksab dan fanatik terhadap kabilah masing-masing<br>Kabilah diketuai oleh seseorang syeikh<br>Bakal syeikh mestilah disukai oleh kabilah dan dilantik atas persetujuan ramai<br>Ketua / kabilah / syeikh mesti memiliki sifat berfikiran matang, gagah, berani dan pandai berpidato | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>(2m) |
| (d)   | -<br>-<br>-<br>-<br>-           | Peperangan antara kabilah<br>Berlaku Peperangan al-Basus<br>Peperangan berlaku antara Bani Taghib dengan Bani Bakar<br>Peperangan disebabkan tindakan seorang ahli Bani Bakar membunuh ahli Bani Taghib<br>Peperangan memakan masa selama 40 tahun                                                                                                                                                                                                                                                                   | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>(3m)           |

| Soalan | Butiran                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | Markah                                                           |
|--------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------|
| 3(a)   | <ul style="list-style-type: none"> <li>-Dato' Maharaja Lela/ Pandak Limo</li> <li>-Sultan Abdullah</li> <li>-Sultan Ismail</li> <li>-Ngah Ibrahim</li> <li>-Syahbandar</li> <li>-Laksamana</li> <li>-Seputum</li> <li>-Pandak Lam</li> <li>-Dato' Sagor</li> <li>-Pandak Indut</li> </ul>                                                                                                                                                                                                          | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[2m]           |
| (b)    | <ul style="list-style-type: none"> <li>-residen mungkir fungsinya sebagai penasihat</li> <li>-pembesar menolak sistem cukai</li> <li>-hak pembesar kutip cukai terhapus</li> <li>-pembesar tolak pengusaan British di kawasan mereka</li> <li>-British campur tangan dalam adat resam/hal ehwal tempatan</li> <li>-Birch tidak hormat sistem sosial tempatan</li> <li>-Birch tidak tahu berbahasa Melayu</li> </ul>                                                                                | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[3m]                          |
| (c)    | <ul style="list-style-type: none"> <li>-bantahan terbuka terhadap campur tangan British</li> <li>-Dato' Maharaja Lela membina kubu/bina kubu di Pasir Salak</li> <li>-mesyuarat pembesar-pembesar di Durian Sebatang</li> <li>-mesyuarat pembesar dan sultan di Belanja</li> <li>-Dato' Maharaja Lela bersetuju/ sanggup membunuh Birch</li> <li>-penduduk tempatan membunuh orang suruhan British di Pasir Salak</li> <li>-Birch dibunuh oleh pembesar atas arahan Dato' Maharaja Lela</li> </ul> | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[2m]                          |
| (d)    | <ul style="list-style-type: none"> <li>-semangat yang tinggi</li> <li>-sanggup berkorban</li> <li>-saling bekerjasama/tolong menolong</li> <li>-sentiasa berdisiplin</li> <li>-gigih/cekal/tidak mudah putus asa</li> <li>-berilmu pengetahuan</li> <li>-kuasai teknologi</li> <li>-mempunyai kemahiran</li> <li>-mempunyai perancangan/strategi</li> <li>-bijaksana</li> <li>-berani</li> <li>(Terima mana-mana jawapan munasabah)</li> </ul>                                                     | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[3m] |

| Soalan | Butiran                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          | Markah                                       |
